

Spectrum International School mewujudkan ekosistem holistik untuk masa depan dengan Google for Education



Sekolah - sekilas pandang

Spectrum International School (SIS) adalah sekolah antarabangsa swasta yang terletak di Putrajaya, Malaysia. Sejak penubuhan di Mesir pada tahun 2006, SIS berjaya berkembang dan membuka cawangan di Malaysia pada tahun 2016. SIS mempunyai kumpulan pelajar yang pelbagai dari lebih 30 negara yang terdiri daripada peringkat prasekolah sehingga peringkat menengah.

Latar Belakang

Sejak tahun 2006, Spectrum International School (SIS) telah berusaha untuk memodenkan pendidikannya dengan teknologi digital. SIS bertujuan menjadi sekolah yang mempersiapkan pelajar untuk era digital dengan melengkapkan mereka dengan alat yang betul untuk membantu mereka menjadi warga digital. SIS mengajar kedua-dua mata pelajaran agama dan sekular dengan menggabungkan kurikulum Antarabangsa Cambridge dengan kurikulum Islam Azhar di Mesir.

Cabaran

Demi membantu pelajar-pelajar bersedia untuk dunia digital, SIS menerapkan teknologi dalam bilik darjah semasa pelajaran. Inisiatif ini bukan sahaja sukar bagi pihak guru dan kakitangan yang kurang mahir dalam aspek teknologi, malah pihak sekolah perlu menghadapi cabaran dalam mematuhi pelbagai peraturan kerajaan tempatan dan persekutuan, contohnya piawaian keselamatan, keperluan kurikulum, dan sebagainya.

Google for Education adalah rekaan perisian teknologi yang mudah dan intuitif, bukan sahaja mampu membantu guru dan pelajar mengakses teknologi terkini, malah dapat digunakan secara berkesan dalam bilik darjah. Platform ini juga boleh melindungi maklumat pelajar yang sensitif, dan mematuhi pelbagai peraturan privasi, contohnya Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA).



Google for Education

Penyelesaian

Pemodenan sistem pendidikan berteraskan budaya Islam

Nilai-nilai Islam yang dipraktikkan oleh SIS diperkaya dengan digitalisasi pendidikan, dengan fokus yang signifikan pada disiplin sebagai nilai terasnya dan juga memperkaya kemahiran hidup pelajar yang tetap berakar pada kepercayaan Islam.

Sekolah ini komited untuk mempersiapkan pelajar untuk masa depan, termasuk mengembangkan kemahiran literasi digital mereka. Pada tahun 2016, sekolah menjalankan penyelidikan yang ekstensif dan menguji pelbagai pilihan sebelum memutuskan untuk menggunakan [Google for Education](#) pada tahun 2018.

Selain mengutamakan pentingnya literasi digital, SIS juga menekankan pengintegrasian gabungan mata pelajaran agama dan bukan agama sebagai sebahagian daripada kurikulum mereka.



“

Kami memilih Google for Education kerana ia mudah diguna, kos efektif, dan dibekalkan dengan sumber latihan yang luas untuk pendidik dan kakitangan.

Osama Yunes,
Pengurus IT & Pembangunan,
Spectrum International School (SIS)



Cipta persekitaran pembelajaran yang bebas dan selamat

SIS menyediakan [Chromebook](#), iaitu komputer riba yang direka khas untuk pendidikan dan dikuasakan oleh [ChromeOS](#) kepada pelajar dan guru. Chromebook membolehkan pelajar menjalani sesi pembelajaran dan pengajaran serta berkolaborasi dari mana mana sahaja.

Walau bagaimanapun, untuk memastikan pelajar menggunakan peranti ini dengan selamat dan bertanggungjawab, SIS menguruskannya dengan Chrome Education Upgrade. Ini membolehkan pentadbir IT sekolah menguruskan akses dan keselamatan secara berpusat dan bebas. Pentadbir IT boleh mengurus ratusan peranti dengan mudah dari mana-mana lokasi, menguatkuasakan peraturan untuk penggunaan Internet yang selamat, dan mengawal sumber yang boleh diakses pengguna.

Meningkatkan kerjasama dan produktiviti dengan alat yang mudah diakses.

Dengan bantuan Chromebook dan [Google Workspace for Education](#), guru-guru di SIS kini mempunyai akses kepada pelbagai sumber pengajaran. Sebagai contoh, di dalam kelas, mereka menggunakan CS First untuk pelajar sekolah rendah untuk mengajar pengaturcaraan blok.

Google for Education

Sekolah percaya bahawa adalah penting untuk memastikan pelajar, guru dan ibu bapa bekerjasama. Sebelum ini, diari fizikal digunakan untuk mengemaskini ibu bapa tentang kemajuan anak mereka, tetapi dengan Google Workspace for Education, mereka menggantikan diari fizikal ini dengan 'Google Diary' menggunakan platform [Google Classroom](#). Diari dalam talian ini menjadikannya lebih mudah untuk ibu bapa dan guru mengakses maklumat pada bila-bila masa, terutamanya untuk ibu bapa yang sibuk.

Dengan sokongan daripada PointStar, *Premier Partner* Google Cloud, SIS mempercepatkan perkembangan penggunaan Google Workspace for Education di dalam sekolah mereka. Pelaksanaan dan latihan mengenai alat dan ciri-ciri baru, seperti AppSheet, memberikan nilai baru kepada persekitaran pengajaran dan pembelajaran. SIS berharap untuk meneruskan kerjasama mereka dengan PointStar untuk mencapai lebih banyak inovasi di dalam sekolah.

Mengenai PointStar

PointStar yang beribu pejabat di Singapura serta cawangan di Malaysia dan Indonesia merupakan *Premier Partner* Google Cloud.

Selain status sebagai Partner Khusus Work Transformation, PointStar juga merupakan Partner Khusus *Professional Development Partner* bagi sektor Pendidikan. Lebih daripada 20 institusi pendidikan melanggan servis kami di rantau ASEAN.




“

Pada masa hadapan, pelajar, penjaga, dan guru perlu bekerjasama secara kolaboratif. Oleh itu, kami sedang mempersiapkan pelajar untuk dunia esok, dan saya percaya sekolah akan mempunyai bilik darjah dengan atau tanpa dinding.

Hasan Brown,

Pengetua, Spectrum International School (SIS)



Terokai bagaimana Google for Education membantu pendidik memanfaatkan cara baharu untuk belajar di [iedu.google.com/new-school](https://edu.google.com/new-school)